

## BAB 5

### KE ARAH KEMERDEKAAN, 1967-1984

#### 5.1 Pengenalan

Pada akhir 1960-an perkembangan politik di Brunei diwarnai oleh tiga faktor. Pertama kecaman terhadap Perjanjian 1959 dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang melihat perjanjian tersebut bertentangan dengan proses kemerdekaan yang sedang dicapai oleh negara-negara Asia Tenggara. Perjanjian ini dianggap sebagai satu halangan untuk Brunei mencapai taraf kemerdekaannya. Kedua berakhirnya konfrantasi antara Indonesia dan Malaysia pada 1965 yang mungkin akan menggugat kestabilan dan keamanan Brunei sekali gus ke atas sistem politik Brunei dan ketiga perubahan dasar luar di British apabila kerajaan Buruh mula memerintah pada 1966 untuk membubarkan dasar kolonialisme dan melepaskan tanggungjawab sepenuhnya ke atas Brunei. Dasar British ini telah mempengaruhi parti-parti politik Brunei untuk menuntut kemerdekaan.

Situasi ini mencorakkan tindak tanduk Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mengekalkan '*survival* Brunei'. Baginda beranggapan Brunei belum bersedia untuk menerima tanggungjawab sepenuhnya kerana rakyat belum boleh berdiri di bawah kaki sendiri. Sultan Omar Ali Saifuddien III mahu melanjutkan pergantungan Brunei kepada British. Baginda mempunyai keyakinan bahawa kemerdekaan sesbuah negara

itu tidak akan membawa erti apa-apa jika rakyat negara berkenaan belum mempunyai kesediaan sepenuhnya untuk memikul semua tanggungjawab mengisi kemerdekaan itu.

Peningkatan tahap kesediaan rakyat bukanlah satu pekerjaan yang boleh disempurnakan dalam tempoh yang singkat. Apa lagi bagi sebuah negara yang bilangan rakyatnya tidak sampai 200,000 orang. Kerajaan perlu mengenal pasti anak-anak tempatan yang berpotensi untuk dididik dan dilantik. Sultan Omar Ali Saifuddien III cukup insaf akan situasi sebenar dan jangka waktu yang diperlukan untuk mencapai tahap kesediaan yang dikehendaki. Kesedaran ini mendorong baginda mengambil keputusan yang sukar difahami.

Dalam membuat sesuatu tindakan, baginda tidak turut bertindak seiring dengan negeri-negeri jajahan yang berluma-lumba untuk mendapatkan kembali kemerdekaan masing-masing. Baginda mempunyai motif tersendiri menangguhkan kemerdekaan sehingga rakyat mempunyai kesediaan yang mencukupi. Sebagai jalan keluar mengatasi tekanan tersebut baginda turun tahta dan melantik putera sulung baginda Sultan Hassanal Bolkiah menjadi pewaris kerajaan Brunei melaksanakan cita-cita baginda melanjutkan sistem pemerintahan beraja.

## **5.2 Brunei Di Bawah Pemerintahan Sultan Hassanal Bolkiah**

Sultan Hassanal Bolkiah telah dimasyhurkan menjadi Sultan Brunei ke-29, pada 4 Oktober 1967 dan dipuspakan pada 1 Ogos 1968. Baginda menggantikan

ayahanda baginda Sultan Omar Ali Saifuddien III yang turun takhta sejak 4 Oktober 1967. Sultan Hassanal Bolkiah diputerakan pada 15 Julai 1946. Sebelum mendapat pendidikan formal, baginda menerima pendidikan asas secara persendirian di surau Istana Darulhana. Baginda merupakan Sultan Brunei yang pertama menerima sepenuhnya pendidikan Barat di dalam dan luar negeri. Sultan Hassanal Bolkiah mula memasuki alam persekolahan secara formal pada 1955 di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, di Bandar Brunei. Sebelum Baginda melanjutkan pelajaran ke United Kingdom pada 1966, Sultan Hassanal Bolkiah telah memasuki Sekolah Jalan Gurney dan Victoria Institution di Kuala Lumpur, Malaysia pada 1961-1963. Akibat ketegangan hubungan Brunei dan Malaysia 1963, baginda telah kembali ke Brunei dan meneruskan pengajiannya di Sekolah Inggeris Kerajaan, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien. Pada 4 Januari 1966, Sultan Hassanal Bolkiah mula memasuki Akademi Tentera Diraja Sandhurst, United Kingdom sebagai Pegawai Kadet dan ditauliahkan sebagai Kapten dalam pasukan Coldstream Guards. Sebelum menamatkan pengajiannya baginda telah kembali ke Brunei untuk mengambil alih tugas ayahanda baginda untuk memimpin kerajaan dan rakyat Brunei apabila Sultan Omar Ali Saifuddien III turun takhta pada 4 Oktober 1967. Sebelum Sultan Hassanal Bolkiah ditabalkan menjadi Sultan Brunei ke-29, baginda telah diisytiharkan menjadi Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota pada 14 Julai 1961.<sup>1</sup>

Dasar pemerintahan dan sistem politik Brunei di bawah sultan yang baru tidak banyak berubah walaupun baginda mempunyai latar belakang pendidikan barat sepenuhnya. Baginda masih meneruskan pergantungan dengan British dan

---

<sup>1</sup> Memperingati Ulang Tahun Ke-10 Perpustakaan, Brunei: Jabatan Museum Brunei (JMB), 1 Ogos

mempertahankan sistem kesultanan yang telah sekian lama diperjuangkan oleh ayahanda baginda, Paduka Seri Begawan Sultan. Disebabkan oleh usia yang terlalu muda dan kurang pengalaman dalam hal ehwal pentadbiran negeri, baginda akan terus dibimbing oleh Paduka Seri Begawan Sultan untuk menasihati dalam setiap keputusan yang penting hendak diambil. Perkara ini telah dijelaskan oleh baginda semasa menyampaikan titah di istiadat perpuspaan pada 1 Ogos 1968. Menurut baginda;<sup>2</sup>

Bahawa sesungguhnya Beta ini masih lagi muda apatah lagi mentah dalam segala2-nya, tetapi dengan kepercayaan Paduka Ayahanda dan Ahli2 Majlis Mashuarat Mengangkat Raja serta pembesar2 negara, Pegawai2 Kerajaan, Rakyat dan Penduduk Negeri Brunei Darus-Salam yang di-kasihi ini, dengan izin Allah dan dengan harapan Beta akan mendapat segala nasihat2 dan pimpinan dari Paduka Ayahanda, maka Beta selaku Sultan dengan sedaya upaya beta akan berusaha pada menjalankan dasar2 Paduka Ayahanda...

Berdasar kepada titah tersebut menunjukkan Paduka Seri Begawan masih mempunyai kuasa untuk menentukan arah sistem politik Brunei walaupun beliau pernah menafikan tidak akan bergiat dalam politik. Penglibatan Paduka Seri Begawan menambahkan kekuatan untuk menyokong kekukuhan sistem monarki kerana adanya "*power behind the throne*".<sup>3</sup>

### 5.3. Sultan Hassanal Bolkiah dan Kerajaan British

Keputusan Paduka Seri Begawan turun tahta tidak dapat mengubah pendirian British yang diterajui oleh parti Buruh untuk melaksanakan dasar luarnya menarik balik penglibatan anggota tenteranya daripada timur Suez dan Brunei. Berdasarkan

---

1978, hal. 5.

<sup>2</sup> *Ibid.*

kepada kenyataan Mr. Healey dalam *House of Commons*, kerajaan British telah membelanjakan 1.2 juta pounds setiap tahun untuk penempatan tentera-tentera British di Brunei dan kerajaan Brunei dikatakan cuma memberi sumbangan sebanyak 450 ribu pounds setahun.<sup>4</sup> Dengan mengurangkan perbelanjaan pertahanan luar negeri, kerajaan British dapat menjimatkan perbelanjaan hampir 300 juta pound sterling setahun.<sup>5</sup> Berikutan dengan dasar ini, kerajaan Brunei mahu mengurangkan penempatan tenteranya berjumlah 35,000 orang dari timur Suez.<sup>6</sup> Untuk membolehkan dasar ini dilaksanakan, kerajaan British mahu memberi kemerdekaan kepada Brunei di bawah lingkungan Komanwel.<sup>7</sup> Menurut British sudah sampai masanya Brunei menentukan masa depannya sendiri serta mengendalikan hal ehwal pertahanannya di peringkat serantau.<sup>8</sup> Kerajaan British juga mencadangkan supaya Brunei menyertai Perjanjian Pertahanan Lima Negara iaitu Britain, New Zealand, Australia, Malaysia dan Singapura sebagai langkah mengawal keamanan dan keselamatan Brunei.<sup>9</sup> British juga setuju untuk menanda tangani satu perjanjian baru dengan Brunei "on the basis of friendship and aid" seperti yang dilakukan oleh British terhadap negara-negara lain dalam Komanwel.<sup>10</sup>

---

<sup>3</sup> *Far Eastern Economic Review*, Vol. 133, No.38, 18 September 1986, hal. 30.

<sup>4</sup> *Borneo Bulletin*, 6 Ogos 1966, Lihat juga *Far Eastern Economic Review*, Vol. 5, 28 April 1966, hal.188-215.

<sup>5</sup>Derek McDougall, "The Wilson Government and British Defence Commitment in Malaysia and Singapore", *Journal of South East Asian Studies*, Vol. 4 (2), September 1973. Lihat juga H. Hanning, British East of Suez-Fact and Figures, *International Affairs*, Vol. 42 (2), April 1966.

<sup>6</sup>Derek McDougall, The Wilson Government and The British Defence Commitment in Malaysia and Singapore, *Journal of South East Asian Studies*, Vol. 4 (2), September 1973. Lihat juga Toni Schonrnberger, The British Withdrawal From Singapore and Malaysia: Influence of the Labour Party on the Decision, *Contemporary South East Asia*, Vol. 3 (2), September 1981.

<sup>7</sup> *Straits Times*, 21 Oktober 1968.

<sup>8</sup> *Berita Harian*, 25 Disember 1969 dan *Straits Times*, 25 Disember 1969.

<sup>9</sup> *Straits Times*, 24 September 1968.

<sup>10</sup> *Straits Times*, 19 November 1969 dan 12 Disember 1969.

Untuk mempercepat proses ini, kerajaan British mahu melihat Brunei memperkenalkan dan mengukuhkan sistem demokrasi berparlimen sebelum kemerdekaan diberikan.<sup>11</sup> Dengan kata lain, British mendesak Brunei supaya mengubah sistem beraja yang mutlak kepada sebuah kerajaan yang demokratik.<sup>12</sup> Kerajaan British percaya dengan menyelaraskan sistem pemerintahan beraja yang mutlak kepada pemerintahan yang dipilih serta mengadakan perhubungan yang lebih erat dengan Malaysia merupakan sebagai satu langkah untuk menjamin keselamatan dan kestabilan Brunei.<sup>13</sup>

Keputusan kerajaan British ke atas Brunei boleh disimpulkan kepada beberapa faktor. Pertama, mungkin disebabkan oleh perubahan yang mendadak ke atas pengaruh dan kekuasaan British yang semakin berkurangan. British tidak lagi merupakan sebagai satu kuasa dunia sebaliknya hanya merupakan satu kuasa Eropah. Kedua, tekanan PBB yang mahukan resolusi 1514 (XV) *Declaration of the Granting of Independence to Colonial Countries and Peoples* (Pengishtiharan Mengenai Pengurniaan Kemerdekaan Kepada Negari-Negeri dan Rakyat Yang Terjajah), ketiga tuntutan BAKER supaya kerajaan British melaksanakan kertas putih 4/65 untuk memberi kemerdekaan kepada Brunei dan keempat, British tidak yakin terhadap keupayaan sistem monarki sebagai sebuah pemerintahan yang bertanggungjawab untuk memenuhi kepentingan dan keperluan rakyat. Ukuran ini dibuat berdasarkan pengalaman 1962, apabila rakyat Brunei menentang sistem monarki dan mahukan sebuah pemerintahan yang demokrasi diwujudkan akan berulang kembali. Oleh yang

---

<sup>11</sup> Eussoff Agaki Haji Ismail, "Brunei Darussalam: Its Re-Emergence As a Sovereign and Independent Malay-Muslim Sultanate (1959-1983)", M. Phil. Thesis, The University of Hull, England, 1991, hal. 142.

<sup>12</sup> *Straits Times*, 8 Ogos 1968, 10 Jun 1968 dan 5 September 1968.

demikian peranannya ke atas Brunei perlu diselaraskan dengan mengubah sistem pemerintahan monarki kepada sistem pemerintahan yang dipilih. Kerajaan British juga percaya dengan cara ini boleh menjamin keselamatan dan kestabilan Brunei.

Desakan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Brunei dan mengenakan sistem pemerintahan secara demokrasi berparlimen tidak menyenangkan Sultan Hassanal Bolkiah dan Paduka Seri Begawan. Keputusan ini bukan saja bertentangan dengan hasrat baginda untuk melanjutkan sistem pemerintahan monarki yang sebelum ini mendapat sokongan dan perlindungan British juga masalah pertahanan dan keselamatan Brunei. Jika ini berlaku Brunei akan terdedah kepada ancaman tanpa sebarang pertahanan terutama kedudukan padang minyak di Seria. Baginda beralasan Brunei tidak mampu untuk memikul tanggungjawab tersebut dan belum bersedia untuk menerima kemerdekaan dari British. Kebimbangan ini telah dinyatakan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dan Paduka Seri Begawan kepada Mr. Malcolm Mac Donald, bekas Pesuruhjaya Agung British ke Asia Tenggara semasa dalam lawatan ke Brunei pada Januari 1968 dan Mr. George Thomson, Setiausaha Negara dan Perhubungan Komanwel ke Brunei semasa dalam kunjungan ke Brunei pada April 1968, mengenai kesan ke atas Brunei jika kerajaan British menarik balik penglibatan tenteranya dari Timur Jauh.<sup>14</sup> Mr. George Thomson kemudiannya telah mencadangkan supaya Sultan Brunei mengadakan rundingan baru di London selepas upacara perpuspaan.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Straits Times, 5 September 1968 dan 8 Ogos 1968.

<sup>14</sup> Borneo Bulletin, 13 Januari 1968 dan The Times, 20 Januari 1968.

<sup>15</sup> TheTimes, 8 April 1968.

Cadangan menjemput Sultan Hassanal Bolkiah dan Paduka Seri Begawan ke London untuk merundingkan semula mengenai isu ini mungkin dipengaruhi oleh keputusan pilihan raya kecil yang diadakan pada Januari 1968 untuk memilih ahli MMN di daerah Temburung akibat kematian Pengiran Majid bin Pengiran Mohd Daud yang menang dalam pilihan raya 1965 dijadikan ukuran rakyat Brunei menyokong sistem pemerintahan yang sedia ada. Dalam pemilihan ini calon BAKER yang diwakili oleh pengerusinya Pengiran Haji Mohd Ali bin Pengiran Mohd Daud telah tewas oleh Awang Haji Abu Bakar bin Baha dari calon bebas.<sup>16</sup> Dalam pilihan raya MMD yang diadakan pada Mei 1968, ternyata parti BAKER tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada rakyat Brunei. Dari 55 kerusi yang dipertandingkan BAKER cuma memperolehi 24 kerusi, 31 kerusi daripadanya telah dimenangi oleh calon bebas.<sup>17</sup>

Berdasarkan kepada keputusan ini membayangkan rakyat terus menyokong kepimpinan sultan Brunei di bawah sistem monarki. Setiap keputusan yang diambil untuk mengekalkan kedaulatan, kestabilan dan keamanan dianggap sebagai langkah bijak bagi menjamin kemakmuran Brunei. Tindakan tiga orang pemimpin BAKER meninggalkan parti iaitu Awang Hafiz Laksamana, Pengiran Metussin bin Pengiran Haji Lampoh dan Pengiran Yusof bin Pengiran Abu Bakar berikutan dengan kekalahan parti tersebut memberi kekuatan dan menambahkan keyakinan baginda mempengaruhi kerajaan British.<sup>18</sup> Sultan Hassanal Bolkiah beranggapan baginda masih boleh membujuk kerajaan British mengubah dasarnya kepada Brunei dan

---

<sup>16</sup> Borneo Bulletin, 13 Januari 1968.

<sup>17</sup> Borneo Bulletin, 27 April 1968 dan 1 Jun 1968.

<sup>18</sup> Ibid. 13 September 1969 dan 20 September 1969.



mengharapkan supaya kerajaan British terus memberikan "some kind of umbrella" kepada Brunei.<sup>19</sup> Baginda percaya melalui rundingan, kerajaan Brunei akan berjaya mempengaruhi British untuk mengubah dasarnya ke atas Brunei seperti yang dinyatakan oleh Paduka Seri Begawan Sultan dalam satu temu bual dengan pengarang *Reuter*. Dalam temu bual tersebut, Paduka Seri Begawan menjelaskan;<sup>20</sup>

**We will not be content with just hoping to persuade the British to modify their withdrawal plans, but we will do all we can to influence Britain to stay**

Untuk membincangkan masa depan Brunei meneruskan 'survival' politiknya satu rombongan yang diketuai oleh Sultan Hassanal Bolkiah yang baru menaiki takhta pergi ke London pada 19 September 1968.<sup>21</sup> Perundingan antara kedua pihak telah diadakan pada 19 September hingga 26 Oktober 1968. Isu utama perundingan ialah mengenai kedudukan asykar Gurkha dan isi Perjanjian 1959 yang menyentuh mengenai tanggungjawab British ke atas hal ehwal luar dan keselamatan Brunei fasal 3 kurung 1 dan 2 yang akan berakhir pada November 1970. Menurut Perjanjian 1959;<sup>22</sup>

**3 (1) "Baginda Queen akan berkuasa penuh dalam hal ehwal luar negeri..."**

**3 (2) "Baginda Queen akan berkuasa penuh tentang pertahanan negeri dan Baginda Queen bersetuju mempertahankan negeri dan kerajaannya setiap masa, dan seberapa daya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi pertahanan negeri..."**

---

<sup>19</sup> *Straits Echo*, 22 Ogos 1968.

<sup>20</sup> *Borneo Bulletin*, 12 April 1969, *New York Times*, 18 Mei 1969.

<sup>21</sup> *Straits Times*, 4 September 1968.

<sup>22</sup> *Surat-Surat Perlembagaan Negeri Brunei*, Simon Marinus, Brunei, Fasal 3 (2), hal. 6. (tahun tidak dinyatakan)

Walaupun rundingan ini gagal untuk membujuk British mengubah dasarnya kepada Brunei, namun Sultan Hassanal Bolkiah percaya rundingan masih boleh dibuat sebelum pihak British merealisasikan dasar ini. Antara Mei hingga Disember 1969, Sultan Brunei telah berangkat sebanyak tiga kali ke London untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan British di bawah pimpinan parti Buruh.<sup>23</sup> Malangnya rundingan tersebut gagal untuk mendapat sebarang kepastian. Kerajaan British tetap untuk meneruskan rancangannya menarik balik semua anggota tenteranya termasuk dari Brunei.<sup>24</sup>

Pada 14 November 1969, Sultan Hassanal Bolkiah dan rombongan yang terdiri daripada Paduka Seri Begawan Sultan, Duli Pengiran Temenggong (adinda Sultan Brunei), Menteri Besar, Pegawai Kewangan Negara, Penasihat Undang-Undang dan Mr. A.R. Adair, Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei berangkat sekali lagi ke London untuk menyambung rundingan dengan kerajaan British yang diwakili oleh Setiausaha Luar Negara dan Komanwel Mr. Micheal Stewart dan Menteri Negara, Lord Shepherd.<sup>25</sup> Rundingan ini juga tidak dapat mengubah pendirian kerajaan Parti Buruh, British untuk meneruskan rancangannya untuk melepaskan tanggungjawabnya ke atas Brunei. Pendirian kerajaan British mengenai isu ini telah di nyatakan sekali lagi oleh Lord Shepherd semasa mengadakan lawatan ke Brunei pada April 1970, dalam satu tamu ramah dengan akhbar menjelaskan yang kerajaan British tidak lagi akan menguruskan hal ehwal dalam negeri Brunei. Apabila ditanya tentang kemungkinan Brunei akan memasuki Malaysia selepas kerajaan British menarik diri dari Brunei

---

<sup>23</sup> Borneo Bulletin, 12 April 1969, 15 November 1969 dan The Sarawak Tribune, 5 Januari 1970.

<sup>24</sup> Straits Times, 19 November 1969.

<sup>25</sup> Borneo Bulletin, 27 Disember 1969

beliau menjelaskan kerajaan British tidak akan mempengaruhi Brunei untuk memasuki persekutuan tersebut. Menurut beliau lagi, walaupun kerajaan British telah menyatakan hasrat untuk merealisasikan dasar tersebut secepat mungkin tetapi sehingga kini belum ada sebarang perubahan mengenai dasar tersebut ke atas Brunei.<sup>26</sup> Ini bermakna, walaupun kerajaan British membayangkan tindakan untuk mengundurkan tentera dan melepaskan Brunei menentukan masa depannya telah dibuat tetapi ruang untuk mengadakan rundingan masih terbuka dan tidak menghalang Brunei daripada terus berunding untuk "*influence British to stay*". Kerana itu, baginda menolak sebarang usaha untuk menggabungkan Brunei dengan Malaysia dan Perjanjian Pertahanan Lima Negara. Pada April 1970 Sultan Brunei sekali lagi ke London untuk memecahkan kebuntuan rundingan.<sup>27</sup> Rundingan kali ini juga gagal kerana kerajaan British tetap berpegang kepada keputusan awalnya.<sup>28</sup> British berkeyakinan Brunei mempunyai kemampuan untuk mempertahankan diri dari ancaman luar dan dalam negeri tanpa perlindungan kerajaan British.<sup>29</sup> Keputusan ini sangat membimbangkan sultan Brunei kerana tempoh perjanjian mengenai pertahanan akan berakhir pada November 1970.<sup>30</sup> Menurut Paduka Seri Begawan Sultan, '*Even if half of the male population were to joint the Armed Forces Brunei would not be able to defend itself*'.<sup>31</sup>

Usaha Sultan Hassanal Bolkiah untuk melanjutkan dasar pergantungan kepada kerajaan British, menggambarkan ketidaksediaan Brunei untuk menerima

---

<sup>26</sup> Borneo Bulletin, 14 April 1970.

<sup>27</sup> Borneo Bulletin, 27 Disember 1969 dan The Sarawak Tribune, 5 Januari 1970.

<sup>28</sup> Malay Mail, 7 Mei 1970.

<sup>29</sup> Borneo Bulletin, 11 April 1970.

<sup>30</sup> The Sarawak Tribune, 19 September 1970.

<sup>31</sup> Borneo Bulletin, 24 Mei 1969.

kemerdekaan dari British. Jika dilihat kepada jumlah pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan Brunei di beberapa jawatan penting, lapan puluh peratus daripadanya terdiri dari pegawai-pegawai dagang. Jika Brunei diberi kemerdekaan dalam keadaan sedemikian tanggap baginda, Brunei bukan saja akan terdedah kepada ancaman luar bahkan pentadbiran Brunei sendiri boleh lumpuh.

Kemenangan Parti Konservatif mengambil alih semula kerajaan British telah memberi harapan baru kepada Sultan Hassanal Bolkiah.<sup>32</sup> Baginda mengharapkan dasar perlindungan British ke atas Brunei akan dilanjutkan walaupun terdapat berita yang mengatakan kerajaan British tidak mempunyai masa untuk mengkaji permohonan dan masalah yang dihadapi oleh Brunei.<sup>33</sup>

### **5.3.1 Hubungan Kerajaan Brunei-British dan Perjanjian 1971**

Berdasarkan kepada hakikat keperluan timbal balik di antara kerajaan Brunei dan kerajaan British, Sultan Hassanal Bolkiah cukup yakin Brunei boleh mempengaruhi dasar British ke atas Brunei. Berdasarkan kepada keyakinan ini baginda berangkat sekali lagi ke London untuk menyambung rundingan. Rundingan kali ini menampakkan sedikit kejayaan apabila kerajaan British pada dasarnya bersetuju untuk meneruskan tanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan Brunei.<sup>34</sup>

---

<sup>32</sup> Borneo Bulletin, 26 September 1970, Berita Harian, 2 Julai 1970.

<sup>33</sup> The Sarawak Tribune, 19 September 1970.

<sup>34</sup> Utusan Malaysia, 19 November 1970.

Keputusan untuk memansuhkan Perjanjian 1959 yang dijangka berakhir pada 30 Jun 1970 tidak dapat direalisasikan. Kerajaan British telah bersetuju untuk mengekalkan kehadiran tentera-tentera British secara terhad di Asia Tenggara. Keputusan ini telah memberi satu harapan besar kepada Brunei apabila tentera Gurkha akan terus ditempatkan di Brunei selepas 1970. Dalam perundingan ini Brunei juga telah dikatakan bersetuju akan terus kekal menjadi naungan British.<sup>35</sup>

Pada November 1970, Sultan Hassanal Bolkiah dan rombongan telah berangkat ke London untuk mengadakan perundingan dengan Mr Anthony Royle, Setiausaha Negara dan Hal Ehwat Luar British di London. Perundingan ini telah mendapat kejayaan apabila kerajaan British setuju untuk menanda tangani satu perjanjian baru di antara kedua kerajaan.<sup>36</sup> Hasil dari perundingan ini telah membawa kepada termeterainya satu perjanjian pada 23 November 1971 di Bandar Seri Begawan yang dikenali sebagai *Perjanjian Persahabatan Brunei-Britian 1971*. Perjanjian ini telah memberikan "*full internal independence*" kepada Brunei.<sup>37</sup> Dengan perjanjian ini kerajaan British telah memberikan *internal sovereignty and independence* kepada Brunei apabila kuasa dan tanggungjawab Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei akan dikurangkan kepada hal ehwal luar Brunei.<sup>38</sup> Menurut perjanjian ini juga baginda Queen juga bersetuju akan memberi tahu kepada sultan Brunei mengenai sebarang tindakan yang telah diambil oleh kerajaan British berhubung dengan hal ehwal luar;

---

<sup>35</sup> Utusan Malaysia, 25 November 1970.

<sup>36</sup> A.M. Rendel, "Progress in Talks With Brunei", The Times, London, 18 November 1970. Lihat juga Borneo Bulletin, 5 Disember 1970.

<sup>37</sup> Agreement Between Her Majesty The Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and His Highness the Sultan of Brunei Amending the Agreement of 29 September 1959, Her Majesty's Stationery Office, London, April 1972, hal. 4. Lihat juga, Malay Mail, 24 November 1971.

... dan bahawa Negeri Brunei hendaklah menikmati dengan sepenuhnya kerajaan sendiri dalam negeri...

... dan bahawa Baginda Queen hendaklah seterusnya berkuasa membuat undang-undang mengenai hal ehwal luar Negeri Brunei. Baginda Queen setuju akan memberi tahu kepada Duli Yang maha Mulia Sultan mengenai sebarang tindakan yang telah diambil atau yang dicadangkan untuk diambil oleh Baginda Queen bagi maksud Fasal ini.

Di bawah Perjanjian 1959, British keseluruhannya berkuasa penuh ke atas pertahanan dan keselamatan Brunei dan sultan Brunei juga hendaklah memastikan semua hal ehwal pentadbiran dan undang-undang di bawah penasihat British. Berdasarkan kepada perjanjian yang baru ini kuasa Pesuruhjaya Tinggi British hanya terhad kepada Hal Ehwal Luar Brunei sahaja dan tidak lagi dipersyaratkan untuk menasihat sultan dalam hal ehwal pentadbiran dalam negeri. Pesuruhjaya Tinggi British juga tidak lagi akan menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Dalam bidang pertahanan dan pentadbiran, kerajaan British akan terus membantu untuk meminjamkan kaki tangan mengisi jawatan, mentadbir dan juga melatih pasukan-pasukan bersenjata. Kerajaan British juga akan sentiasa bekerjasama untuk membantu Brunei melengkapkan pasokan bersenjata dan pemeliharaan logistik. Perjanjian ini juga telah memberi keyakinan kepada Brunei apabila kerajaan British berjanji akan menolong Brunei sekiranya terdapat sebarang ancaman dan serangan dari luar.

---

<sup>38</sup> Agreement Between Her Majesty The Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and His Highness the Sultan of Brunei Amending the Agreement of 29 September 1959, Fasal

Untuk hal-hal lain Sultan Brunei telah melantik seorang penasihat iaitu Pehin Awang Isa bin Haji Ibrahim bagi menggantikan tugas-tugas yang dahulunya dijalankan oleh Pesuruhjaya Tinggi.<sup>39</sup> Beliau telah memperolehi Ijazah Undang-Undang dari University Southampton, United Kingdom sejak 1962. Selain dari menasihati sultan dalam semua perkara yang berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran dalam negeri beliau juga bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pentadbiran dalam negeri Brunei. Beliau juga mempunyai kuasa yang meluas terhadap pentadbiran dalam negeri Brunei seperti yang dijelaskan oleh Peguamcara Negara, Awang Abas Haji Serudin;<sup>40</sup>

untuk berjumpa atau menjumpai atau memanggil atau menghubungi mana-mana Ketua jabatan atau Pegawai Kerajaan dan bertanya atau menyiasat atau mendapat apa-apa maklumat atau penjelasan termasuk segala kertas atau persuratan dari mereka mengenai dengan apa juga perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan pentadbiran serta keadaan dalam negeri Brunei, serta melawat dan memeriksa mana-mana pejabat atau tempat-tempat Kerajaan atau projek-projek kemajuan Kerajaan untuk memerhati atau mendapatkan penjelasan mengenai dengan pelaksanaan projek-projek. Ketua-Ketua Jabatan dan semua pegawai dan kakitangan Kerajaan dibolehkan berjumpa atau berhubung secara langsung dengan Penasihat Umum yang berkaitan dengan perkara-perkara pentadbiran.

Menerusi perjanjian ini juga, kerajaan British bersetuju untuk mengekalkan penempatan tentera Gurkha di Brunei dan menawarkan bantuan bagi latihan ketenteraan dan pegawai-pegawai tentera kepada Brunei.<sup>41</sup>

---

II., hal. 4.

<sup>39</sup> Berita Harian, 22 November 1971.

<sup>40</sup> Awang Abas Haji Serudin, Hubungan Brunei & Great Britain, Brunei: Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, 1982, hal. 8-9.

<sup>41</sup> Agreement Between Her Majesty The Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and His Highness the Sultan of Brunei Amending the Agreement of 29 September 1959, Fasal. III, hal. 4.

Walaupun nampaknya perjanjian ini memberikan kuasa otonomi dalam negeri kepada Brunei namun proses penaungan masih terus berjalan kerana hal ehwal luar masih menjadi tanggungjawab British. Ini bermakna Brunei masih di bawah "*protector*" British. Sungguhpun begitu, kerajaan Brunei berpuas hati dengan perjanjian ini kerana bukan saja menjamin "*survival*" politik Brunei juga berjaya melambat-lambatkan proses kemerdekaan yang hendak diberikan oleh British.

Kita boleh memberikan sedikit tafsiran awal mengenai tindakan British ke atas isu ini. Kerajaan British memang tidak rela untuk meninggalkan Brunei yang tinggi keupayaan ekonomi dan pelaburannya. Kerana itu, kerajaan British juga mahu supaya sultan Brunei terus mengadakan perundingan demi melambatkan proses kemerdekaan. Pada masa yang sama dapat pula mengurangkan tekanan PBB yang mahukan Brunei diberi kemerdekaan dengan segera.

Pihak British memang memerlukan perjanjian ini berterusan untuk menjaga kepentingan ekonominya di Brunei.<sup>42</sup> Kerana itu, pihak British terus memberi sokongan sistem monarki yang dipertahankan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dengan memberi alasan sistem ini paling sesuai dengan Brunei yang dapat menjamin kesejahteraan, kestabilan dan keamanan. Mengikut tanggapan British rakyat Brunei terus menyokong dan mempertahankan sistem monarki berdasarkan keputusan pilihan raya pada 1968 yang membuktikan rakyat Brunei menolak sebarang usaha untuk mengubah sistem yang ada.

---

<sup>42</sup> Straits Times, 15 Mei 1971 dan 20 Mei 1971.



Peranan Brunei Shell dalam isu ini juga tidak boleh dinafikan dalam penglibatannya mempengaruhi rundingan ini demi untuk menjaga kepentingannya di Brunei. Mereka merasakan tindakan untuk meninggalkan Brunei adalah terlalu awal memandangkan permintaan dan harga minyak semakin tinggi. Minyak merupakan komoditi utama Brunei. Hampir keseluruhan pendapatan negara tersebut bergantung kepada pengeluaran minyak yang menyumbang 97 % pendapatan negara tersebut. Ini bermakna masa depan dan keseluruhan aktiviti ekonomi Brunei bergantung kepada pengeluaran bahan tersebut kerana 99% dieksport cuma 1% penggunaan dalam negeri.

Sebelum krisis bahan tersebut berlaku pada 1973 iaitu apabila Negara-Negara Pengeluar Minyak (OPEC) yang diketuai oleh Arab Saudi menaikkan harga minyak, keraguan terhadap keupayaan ekonomi Brunei untuk membina masa depannya mula dirasa oleh British. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh keadaan ekonomi Brunei apabila pengeluaran minyak mula merosot dan diikuti pula tahun-tahun kemelesetan iaitu apabila jumlah perbelanjaan lebih besar dari jumlah pendapatan dialami oleh Brunei. Sebagai contoh, pada 1960, jumlah pengeluaran 92.9 ribu tong sehari menjadi 80.4 tong sehari pada 1965.<sup>43</sup> Perbelanjaan pula lebih besar dari pendapatan. Pada 1966 jumlah pendapatan sebanyak B\$122.42 juta sedangkan perbelanjaan berjumlah B\$150.80 juta dan pada 1967 jumlah pendapatan B\$142.24 juta dan perbelanjaan sebanyak B\$154.19 juta dan sekali lagi pada 1970.<sup>44</sup> Keadaan ini mungkin telah mempengaruhi dasar British untuk melepaskan tanggungjawabnya ke atas Brunei kerana cuba mengelak bebanan yang mungkin akan ditanggung oleh kerajaan British.

---

<sup>43</sup> Hong Kong Tse dan Nicholas Fernandes, "Oil and Economic Development in the Sultanate of Brunei", Sorab Sadri (ed.), Oil and Economic Development, Kuala Lumpur: Forum, 1991, hal.127.

<sup>44</sup> Brunei Darussalam Statistical Yearbook, Brunei: Unit Perancang Ekonomi, 1970

Cara British menangani isu ini dengan mencadangkan supaya Brunei memasuki Persekutuan Malaysia boleh dijadikan bukti minyak mempunyai pengaruh yang besar ke atas tindak tanduk British. Contohnya, ketika peristiwa perundingan pada 1963 di antara kerajaan Brunei dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berhubung dengan cadangan Brunei untuk menyertai Persekutuan Malaysia. Sebelum Sultan Omar Ali Saifuddien III membuat keputusan, Brunei Shell telah menghantar telegram kepada Sultan Omar Ali Saifuddien III menyatakan hasil penemuan telaga baru di *Southeast Ampa*. Berita ini mempengaruhi Sultan Omar Ali Saifuddien III mengubah pendirian baginda untuk tidak menyertai Persekutuan Malaysia. Peristiwa penarikan ini setentunya British memainkan peranan penting disebalik keputusan tersebut dengan memperalat *Brunei Shell Petroleum Company* mempengaruhi Sultan Omar Ali Saifuddien III supaya menarik diri dari menyertai Persekutuan Malaysia dengan menjanjikan peratus royalti minyak kepada Brunei akan dinaikkan.

Kemudian Isu untuk melepaskan tanggungjawab ke atas Brunei muncul sekali lagi pada 1965 apabila pengeluaran minyak merosot dan pendapatan Brunei mengalami tahun-tahun kemelesetan tetapi menjelang akhir 60-an sikap ini mula berubah apabila British mempelawa Brunei untuk mengadakan rundingan semula dan akhirnya bersetuju satu perjanjian baru ditanda tangani pada 1971 untuk terus melindungi Brunei. Dua faktor penting yang boleh dikaitkan kenapa British terus membisu terhadap desakan PBB untuk memberi kemerdekaan kepada Brunei. Pertama, penemuan telaga-telaga baru di "*Fairley Field*" dan "*Champion Field*". Kedua, kenaikan harga minyak dipasaran dunia.

Pada 1969, penerokaan terhadap telaga baru di "*Fairley Field*" telah dimulakan dan dipercayai akan mengeluarkan minyak pada 1977 berjumlah 28,500 tong sehari dan pada 1970, "*Champion Field*" dijangkan mengeluarkan minyak 20,000 tong sehari pada 1972 dan 1977 dianggarkan menambahkan pengeluaran minyak berjumlah 71,600 tong sehari.<sup>45</sup> Semantara itu Brunei LNG Limited telah ditubuhkan untuk penerokaan gas asli. Syarikat ini dimiliki bersama oleh "*Mitsubishi Corporation of Japan* dengan *Kerajaan Brunei dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad*" yang dijangkakan dapat mengeluarkan hasil pada 1973. Pada masa yang sama satu perjanjian telah diadakan untuk pembekalan selama 20 tahun kepada Jepun. Pada 1973, Brunei telah mengeluarkan gas asli sebanyak 2,000 juta *cubic* kaki dan pada 1977 meningkat kepada 7.5 juta *cubic* kaki gas ke Jepun.<sup>46</sup>

Pada 1970, harga minyak mula meningkat dari US\$1.80 setong<sup>47</sup> kepada US\$2.39 setong pada 1971 dan US\$2.87 setong pada 1972. Apabila krisis tenaga berlaku pada 1973, harga minyak semakin tinggi dipasaran dunia apabila OPEC menaikkan harga bahan tersebut kepada US\$4.00 setong dan pada 1974 meningkat sehingga empat kali ganda menjadi US\$11.93 setong. Pada 1977 harga bahan tersebut terus meningkat dari US\$27.95 kepada kadar yang paling tinggi menjadi US\$36.57 setong pada 1980.<sup>48</sup> Pada masa yang sama keluaran minyak juga meningkat dari

---

<sup>45</sup>B.A. Hamzah, "The Political Economy of Oil in Brunei", Ph.D. Thesis, Tufts University, Medford, Massachusetts, 1980, hal.133.

<sup>46</sup>*Ibid.*, hal. 138.

<sup>47</sup>Hong Kong Tse dan Nicholas Fernandes, "Oil and Economic Development in the Sultanate of Brunei", hal. 128.

<sup>48</sup>Brunei Darussalam Statistical Yearbook, Brunei: Jabatan Perancang Ekonomi, 1970.

130,000 tong sehari pada 1970 kepada 200,000 tong sehari pada 1974 dan 240,000 tong sehari pada 1978 kepada 261,000 tong sehari pada 1979.<sup>49</sup>

Dengan penghasilan minyak dan gas hasil pendapatan Brunei telah meningkat dari B\$186.77 juta pada 1970 kepada B\$368.86 juta 1972 dan B\$1027.42 juta pada 1974 kepada \$2135.94 juta pada 1976. Pendapatan Brunei terus meningkat dari B\$626.34 juta 1980 kepada kadar yang paling tinggi B\$8454.33 juta pada 1981. Hasil dari pendapatan sumber minyak ini membolehkan Brunei mempunyai lebih pendapatan dan menjadikan simpanan luarnya berjumlah terus meningkat dari B\$3 billion pada 1975 kepada B\$24 billion pada 1982 dan pada 1983 meningkat menjadi B\$28 billion.<sup>50</sup> Dengan jumlah penduduk 212,840 orang menjadikan per kapita Brunei tertinggi di Asia.<sup>51</sup>

Berdasarkan kepada kenyataan tersebut dapatlah diambil kesimpulan bahawa “politik minyak” memainkan peranan penting mempengaruhi dasar British ke atas Brunei. Kekayaan ini juga telah menangguhkan kemerdekaan Brunei dan mendorong British untuk terus kekal melindungi sistem monarki walaupun PBB mendesak British supaya memberikan kemerdekaan dan mengadakan sebuah sistem pemerintahan demokrasi di Brunei. British juga melihat Brunei perlukan kekuasaan British untuk melindunginya kerana itu tidak ada sebab British terus memutuskan hubungannya dengan Brunei.

---

<sup>49</sup>Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 1979.

<sup>50</sup>Ibid.

<sup>51</sup> Asia Year Book 1981, Hong Kong: Far Eastern Economic Review, 1981, hal. 113.

Sungguhpun Perjanjian 1971 tidak membawa sebarang perubahan yang besar terhadap status Brunei apabila British masih kekal menjadi penaung Brunei dalam segala bidang pentadbiran dan hal ehwal luar tetapi perjanjian ini cukup memberi makna kepada sultan Brunei. Perjanjian ini dapat digunakan sepenuhnya oleh Sultan Hassanal Bolkiah dan Paduka Seri Begawan terus mengekalkan dan mengukuhkan sistem monarki. Baginda juga sedar Brunei tidak akan selama-lamanya bergantung kepada British. Jaminan keselamatan dari British boleh dijadikan alat untuk membangunkan serta menyediakan rakyat Brunei mengambil alih pentadbiran tanpa sebarang kebimbangan dari gangguan luar. Kerajaan Brunei tidak perlu banyak memikir terhadap keselamatan dalam dan luar negeri sebaliknya menumpukan perhatian dalam pembangunan tenaga manusia dan negara di berbagai bidang.

Sultan Hassanal Bolkiah melihat, keselamatan dalam negeri merupakan sebagai kunci dan landasan ke arah mencapai pembangunan. Tanpa kestabilan dan keamanan taraf sosial dan ekonomi rakyat tidak akan berubah sebaliknya akan menghalang kemajuan negara. Kerana itu Sultan Hassanal Bolkiah terus berusaha untuk mendapatkan jaminan keselamatan walaupun mendapat kecaman dan kritikan dalam dan luar Brunei. Menurut titah baginda;<sup>52</sup>

**Keselamatan negara adalah merupakan pada zaman ini sebagai suatu kunci atau lapik atau landasan kemajuan yang Beta sentiasa hasratkan itu... maka unsur2 mengenai pertahanan serta keselamatan negara hendak-nya lah terlebih dahulu dan sentiasa di-utamakan dan kukuhkan.**

---

<sup>52</sup> Titah di Istiadat Mengadap Sempena Puja Usia Baginda ke-24, 15 Julai 1971, Jabatan Penerangan Brunei, Brunei, 1971.

Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan Brunei terus berusaha untuk mendapatkan perkhidmatan askar Gurkha bagi mengawal padang minyak di Seria dan kerabat-kerabat diraja. Sultan Hassanal Bolkiah meragui keupayan Askar Melayu DiRaja Brunei untuk mempertahankan keselamatan dalam negeri disebabkan oleh bilangannya terlalu kecil cuma 2,000 orang serta kekurangan lojistik. Untuk membina dan melengkapkan pasukan ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar jumlahnya. Hampir 1/3 dari peruntukan perbelanjaan tahunan negara. Pada 1970, berjumlah B\$22.28 juta dan pada 1975 menjadi 97.89 juta. Kempen pengambilan terus dipergiatkan dan pada Mac 1972 pasukan Asykar Melayu DiRaja Brunei telah menubuhkan battalions pertamanya sehingga 1980 jumlah keahliannya 2,850 orang. Menerusi peruntukan yang besar ini membolehkan pasukan Asykar Melayu DiRaja Brunei dilengkapi dengan senjata-senjata moden seperti *armored car*, *scorpion light tanks*, *repair missiles*, *flotilla*, dan *river patrol*. Di samping itu, sultan juga telah menanda tangani perjanjian dengan Singapura pada 1970 untuk memberi kebenaran pasukan askar Singapura mengadakan latihan dan penempatan di daerah Temburong. Langkah ini sebenarnya merupakan peningkatan keselamatan bagi mengawal sempadan antara Brunei dengan Malaysia. Semantara itu, pasukan askar Gurkha mengawal keselamatan padang minyak Seria sumber kekayaan Brunei.<sup>53</sup> Selain itu, baginda juga tidak membenarkan parti-parti politik bergiat cergas. Menurut tanggapan baginda kegiatan tersebut boleh mengganggu kestabilan politik dan ancaman keselamatan. Sebagai langkah untuk memastikan keselamatan dalam negeri terjamin baginda telah meneruskan undang-undang darurat yang telah diistiharkan sejak 1962.

---

<sup>53</sup> Financial Times, 23 September 1983.

### 5.3.2 Hubungan Brunei-British dan Perjanjian 1979.

Berikutan dengan kemenangan Parti Buruh dalam pilihan raya umum di London bulan Oktober 1974, menyebabkan kerajaan British telah menghidupkan semula dasar lamanya untuk mengundurkannya dari timur Suez dan sekali gus kedudukan Brunei turut terjejas.<sup>54</sup> Tindakan ini selaras dengan polisinya untuk mengurangkan perbelanjaan pertahanan luar negeri.<sup>55</sup> Pada masa yang sama kerajaan Brunei juga turut mendapat tekanan dari kerajaan Malaysia yang di bawah pimpinan Tun Abdul Razak. Indonesia pula telah merjaya menduduki Timur Timur dari Peranchis dan menjadikan wilayah tersebut sebagai sebuah negara republik.

Berikutan dengan keputusan ini kerajaan British mula mengkaji semula pindaan Perjanjian 1971 yang telah dibuat di antara kerajaan British dengan kerajaan Brunei supaya rundingan mengenainya dibuat pada 27 November 1974. Pada Februari 1975, Sultan Hassanal Bolkiah telah berangkat ke London untuk mengadakan rundingan dengan Menteri Negara dan Hal Ehwal Luar dan Komanwel British mengenai pengunduran tersebut. Sementara itu di London, kerajaan Buruh mula mendapat kritikan dan menyokong supaya penempatan askar Gurkha diteruskan di Brunei dan menjelaskan;<sup>56</sup>

**The Shell people are making 20% of their income from the Brunei oilfields and natural gas from Brunei is earning 8 pounds a second. It is madness to deprive the Sultan of the presence of the Gurkha battalion at the very time that his neighbors are casting avaricious eyes.**

---

<sup>54</sup> Straits Times, 25 Februari 1975.

<sup>55</sup> Utusan Malaysia, 27 Disember 1975.

Sementara itu, kerajaan British pula sekali lagi telah menerima kecaman PBB kerana keengganannya memberi kemerdekaan kepada Brunei. British telah dikecam hebat kerana menafikan “*the inalienable rights of the people of Brunei to self determination and independence*”.<sup>57</sup> Kerajaan British sengaja tidak mengendahkan desakan tersebut dengan alasan Brunei bukanlah sebuah negeri “*dependent territory*”.<sup>58</sup>

Tekanan ini juga mempunyai hubungan dengan desakan Malaysia kepada PBB untuk membantu perjuangan rakyat Brunei menuntut kemerdekaan dan membentuk kerajaan. Dalam Perhimpunan Agung PBB ketigapuluh pada 13 November 1975, Kerajaan Malaysia telah mengusulkan satu resolusi dan telah diterima oleh PBB sebagai *Resolusi 3432(XXX)* yang menuntut supaya kerajaan British mengadakan pilihan raya bebas dan demokratik di Brunei.<sup>59</sup> Resolusi ini juga menuntut supaya kerajaan British menarik balik pengharaman parti-parti politik dan semua ahli-ahli parti-parti politik yang dalam buangan dibenarkan kembali ke Brunei untuk menyertai pilihan raya tersebut.<sup>60</sup> Resolusi ini mendapat sokongan penuh dari seratus tujuh buah negara termasuk ASEAN kecuali Singapura.<sup>61</sup>

Keputusan ini menimbulkan kebimbangan sultan Brunei mengenai ‘*survival*’ politiknya. Pada Februari 1975, sultan Brunei telah pergi ke London untuk

---

<sup>56</sup> Sunday Times, 23 Februari and 21 Mei 1975.

<sup>57</sup> M Leifer, 'Decolonisation and International Status: The Experience of Brunei', International Affairs, Vol. 54., April 1978, hal. 246.

<sup>58</sup> National Echo, 26 Januari 1978, The Star, 20 Januari 1978 dan Utusan Zaman, 12 Februari 1978.

<sup>59</sup> Berita Minggu, 7 Disember 1975.

<sup>60</sup> Ibid.

<sup>61</sup> Fourth Committee, “Question of Brunei”, in Two Decades of Struggle in Search of Freedom and Liberty (Historical Documents), hal. 1.



mengadakan perundingan dengan kerajaan British supaya meneruskan dasar memberikan “*protection umbrella*” kepada Brunei.<sup>62</sup> Perundingan ini juga untuk menggesa kerajaan British supaya tidak menarik balik tentera Gurkha dan sultan Brunei sedia untuk membiyai perbelanjaan pentadbiran dan penyelarasan tentera Gurkha di Brunei.<sup>63</sup>

Perundingan yang diadakan antara 25 Februari hingga Mac 1975 antara kedua pihak gagal mendapat sebarang keputusan muktamad.<sup>64</sup> Pada Julai 1975, Sultan Hassanal Bolkiah berangkat sekali lagi ke London untuk menyambung rundingan supaya kerajaan British tidak mengubah dasarnya ke atas Brunei terutama penempatan tentera Gurkha. Walaupun keputusan muktamat belum dapat diputuskan tetapi keduanya setuju untuk mengkaji semula persoalan tertentu berhubung dengan penarikan keluar tentera Gurkha. Pada Januari 1976, Menteri Negara dan Hal Ehwal Luar British, Sir Lord Goronwy Robert telah ke Brunei. Rundingan ini juga gagal untuk mendapatkan kata pasti mengenai perlindungan British kepada Brunei.<sup>65</sup> Dalam temu bual dengan wartawan Borneo Bulletin, Lord Gronwy Robert menjelaskan;<sup>66</sup>

**The Defense Review of 1974 did provide for the withdrawal of the Gurkha battalion and naturally the point formed part of our discussions. Also we are discussing general relations between the two countries as the world changes and concepts and necessities also change with them.**

Kebimbangan terhadap tekanan dan tuntutan PBB kepada British mengenai hal-hal politik Brunei yang terkandung dalam Resolusi 1975, yang meminta British

---

<sup>62</sup> National Echo, 26 Januari 1978. Utusan Zaman, 12 Februari 1978.

<sup>63</sup> Malay Mail, 24 Februari 1975 dan 26 Februari 1975.

<sup>64</sup> Straits Times, 14 Mac 1975.

<sup>65</sup> Borneo Bulletin, 17 Januari 1976.

memberi kemerdekaan kepada Brunei dan membantu melicinkan pilihan raya menyukarkan untuk British membuat sebarang keputusan. Gronwy Robert secara terpaksa menjelaskan beliau ingin melihat Brunei mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi seperti diperkenalkan oleh bekas tanah jajahan British tetapi tidak memaksa Brunei berbuat demikian. Sebaliknya menyerahkan keputusan tersebut kepada Sultan Hassanal Bolkiah untuk menjawab persoalan tersebut.<sup>67</sup> Akhirnya perbincangan tersebut tidak mendapat sebarang keputusan muktamat.

Keperluan Brunei mendapatkan perkhidmatan askar Gurkha kerana sikap Malaysia kepada Brunei yang membantu memberi perlindungan politik kepada tahanan-tahanan Brunei yang melarikan diri dan sokongan Malaysia kepada PRB yang diharamkan. Untuk mengimbangi keadaan ini Brunei perlukan sokongan British untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan askar Gurkha untuk menjaga keselamatan terutama sumber kekayaan Brunei. Selain itu Brunei juga cuba mempengaruhi British untuk melanjutkan ikatan pergantungan selama yang mungkin. Untuk mendapatkan persetujuan, Brunei cuba membuat sedikit tekanan kepada British yang ketika sedang mengalami krisis ekonomi dengan menarik simpanan Brunei di London dengan serta merta sebanyak 400 juta pound sterling. Tindakan ini telah berjaya menggugat kestabilan ekonomi British yang sudah tenat tetapi gagal untuk mengubah pendirian kerajaan British ke atas Brunei.<sup>68</sup> Hal ini dapat dilihat semasa rundingan yang diadakan pada Jun 1977, kerajaan British tidak menunjukkan sebarang respon positif

---

<sup>66</sup> *Borneo Bulletin*, 17 Januari 1976.

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> Eussoff Agaki Haji Ismail, "Brunei Darussalam: Its Re-Emergence", hal. 200-201.

mengubah pola rundingan berkaitan dengan pengunduran tentera Gurkha dan perhubungan perlindungan antara Brunei dengan British.<sup>69</sup>

Kembalinya Parti Konservatif memerintah Britain 1978, telah memberi harapan baru kepada Brunei untuk meneruskan hubungan dan perlindungan British serta kedudukan tentera Gurkha di Brunei. Kejayaan ini dapat dikaitkan dengan jaminan yang diberikan oleh Malaysia dan Indonesia untuk menolong mempercepatkan persetujuan Brunei menerima kemerdekaan penuh 1983. Keputusan ini dibuat dalam satu pertemuan di antara Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn dan Presiden Indonesia, Suharto di Labuan pada Mei 1978 untuk menyokong kemerdekaan bagi Brunei dalam usaha memelihara kestabilan dan keamanan rantau ini.<sup>70</sup> Pada akhir Jun 1978, satu perundingan telah diadakan di antara sultan Brunei dengan kerajaan British. Perundingan ini telah mencapai satu kejayaan apabila Pejabat Luar British mengeluarkan satu pernyataan bahawa Brunei akan menjadi negara merdeka penghujung 1983 dan askar Gurkha tidak akan ditarik dari Brunei. Akhirnya kedua pihak setuju menandatangani satu perjanjian baru "*Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1979*" untuk menggantikan "*Perjanjian 1959 dan Perjanjian 1971*".<sup>71</sup>

Perjanjian ini mempunyai makna yang besar dalam sejarah perkembangan politik Brunei. Perjanjian ini juga menandakan berakhirnya zaman '*protectorate*'

---

<sup>69</sup> *Straits Times*, 11 Jun 1977.

<sup>70</sup> *Foreign Affairs of Malaysia*, Vol. 11(2) Jun 1978.

<sup>71</sup> "Treaty of Friendship And Co-Operation Between Her Majesty The Queen Of The United Kingdom Of Great Britain And Northern Ireland And His Highness Paduka Seri Baginda Sultan And Yang Di-Pertuan Of Brunei With Exchanges Of Notes, 7 Januari 1979". Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 8 Januari 1978.

Brunei apabila kerajaan British memberi kemerdekaan kepada Brunei pada awal 1984 tanpa sebarang syarat. Perjanjian ini juga menggambarkan pihak British mengiktiraf sistem pemerintahan monarki. Menurut perjanjian ini kerajaan British akan menyerahkan kembali tanggungjawab hal ehwal luar Brunei. Fasal 2 yang menyebutkan bahawa;<sup>72</sup>

**...dan dengan cara yang sama sekali tidak akan membabitkan tanggungjawab tunggal Kerajaan Negeri Brunei mengenai perhubungan-perhubungan luar negeri...**

Perjanjian ini melibatkan penyerahan semua tanggungjawab pertahanan dan keselamatan Brunei yang selama ini dipegang oleh British. Ini memberi makna semua hal ehwal Brunei akan dikendalikan oleh Brunei. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 7 Januari 1979 di Lapau, Bandar Seri Begawan.<sup>73</sup> Menerusi perjanjian ini juga kerajaan Brunei diberi tempoh selama lima tahun untuk membuat persediaan ke arah kemerdekaan.

Berdasarkan kepada Perjanjian 1979, kedua kerajaan bersetuju untuk melanjutkan dasar persefahaman dalam menjaga keamanan dan kestabilan rantau ini. Kerajaan British juga bersetuju melanjutkan bantuannya kepada Brunei dalam tempoh persediaan menjelang kemerdekaan dan selepas kemerdekaan.<sup>74</sup> Selain itu, kerajaan British juga akan membantu memberi latihan dalam bidang ketenteraan, kehakiman, perkhidmatan diplomatik, pengambilan pegawai-pegawai perkhidmatan awam,

---

<sup>72</sup> "Treaty of Friendship And Co-Operation Between Her Majesty The Queen Of The United Kingdom Of Great Britain And Northern Ireland And His Highness Paduka Seri Baginda Sultan And Yang Di-Pertuan Of Brunei With Exchanges Of Notes, 7 Januari 1979", Fasal 2, hal. 6.

<sup>73</sup> Borneo Bulletin, 6 Januari 1979.

pendidikan dan lain-lain.<sup>75</sup> Ini menunjukkan hubungan antara kedua pihak akan berlanjutan walaupun Brunei sudah mencapai kemerdekaan. Akhirnya pada 1 Januari 1984, Brunei telah membuka tabir sejarah yang baru sebagai sebuah negara merdeka.

Berikutan dengan perjanjian ini, pertukaran lima buah nota telah dibuat antara kedua kerajaan. Kerajaan Brunei diketuai oleh Sultan Hassanal Bolkiah dan kerajaan British diketuai oleh Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Lord Gorowny Robert. Nota pertama, menamatkan perjanjian perhubungan istimewa yang telah dibuat antara kedua kerajaan yang dianggap bertentangan dengan tanggungjawab sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Dengan ini, semua perjanjian-perjanjian istimewa yang telah ditandatangani pada 18 Disember 1846, 27 Mei 1847, 26 November 1856, 17 Ogos 1878, 17 September 1888, Perjanjian 29 September 1959 dan 23 November 1971 telah ditamatkan. Tetapi taraf Pulau Labuan dan wilayah-wilayahnya yang termaktub dalam Perjanjian 27 Mei 1847 dan 18 Disember 1946 tidak terlibat. Sedangkan perjanjian tersebut telah dimansuhkan dan tidak ada satu perjanjian baru dibuat di antara kedua kerajaan mengenai kedudukan Pulau Labuan. Dalam nota ini juga kedua kerajaan akan terus mengekalkan hubungan atas semangat persefahaman.

Nota kedua, kerajaan British setuju untuk memberi bantuan kepada Angkatan Bersenjata Brunei meminjamkan kakitangan mengisi pentadbiran dan latihan, pembekalan alat kelengkapan, pengambilan baru pasukan polis dan juga memberi

---

<sup>74</sup> "Treaty of Friendship And Co-Operation Between Her Majesty The Queen Of The United Kingdom Of Great Britain And Northern Ireland And His Highness Paduka Seri Baginda Sultan And Yang Di-Pertuan Of Brunei With Exchanges Of Notes, 7 Januari 1979", Fasal 2, 3, 4 dan 5, hal. 6.

<sup>75</sup> *Ibid.*

nasihat dan latihan pasukan tersebut. Sementara itu kerajaan Brunei akan memberikan segala kemudahan-kemudahan latihan kepada anggota-anggota Pasukan Bersenjata British mengadakan latihan di Brunei.

Nota Ketiga, menamatkan tanggungjawab British terhadap orang-orang perlindungan British (*British Protected Persons*) di Brunei yang akan bermula lima tahun dari 31 Disember 1978 sama ada orang-orang naungan British yang sedemikian berhak atau tidak menjadi warga negara di bawah Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei. Orang-orang yang bukan warga negara Brunei akan tetap mempunyai kediaman tetap di Brunei tertakluk kepada undang-undang tersebut. Mereka ini akan diberi taraf pengenalan antarabangsa oleh pihak yang berkuasa di Brunei bagi maksud-maksud keluar negeri dan mereka ini akan diberi taraf kerakyataan jika mereka memohon dengan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di bawah Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei pada 1961. Sebelum Perjanjian 1979 ini, semua rakyat Brunei yang memegang paspot dikategorikan sebagai rakyat perlindungan British (*Brunei protected Person*) dan dengan perjanjian ini, pengeluaran paspot-paspot bagi warga negara Brunei akan dikeluarkan oleh kerajaan Brunei sementara warga negara United Kingdom menjadi tanggungjawab Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei.

Nota Keempat, mengenai bantuan kehakiman. Kerajaan British akan terus memberi bantuan berterusan bidang kehakiman seperti yang telah berjalan. Dan, Nota Kelima, kerajaan British akan membantu bagi pengendalian perwakilan-perwakilan dan melantik ahli-ahli perkhidmatan diplomatik Brunei. Kerajaan British juga bersedia untuk menawarkan tempat-tempat berkursus dan mengambil ahli-ahli yang

baru bersara dari perkhidmatan diplomatik British untuk mengisi kekosongan dalam jawatan-jawatan perkhidmatan diplomatik Brunei.

Persoalannya sekarang kenapa kerajaan British memberi kemerdekaan akhir 1983 tanpa memaksa Brunei memperkenalkan dan mengukuhkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Padahal, British boleh memberi kemerdekaan kepada Brunei sama ada 1959, 1962 atau 1971.

Kita boleh membuat sedikit tafsiran mengenai perkara tersebut berdasarkan kepada beberapa pertimbangan. Persepsi yang berbeza terhadap sistem kerajaan yang hendak diberikan oleh kerajaan British kepada Brunei dengan sistem yang dituntut oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. British mahukan supaya Brunei memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen iaitu sistem yang berlandaskan kepada kuasa rakyat sebelum kemerdekaan diberikan. British tidak yakin dengan sistem monarki boleh mewujudkan sebuah sistem pemerintahan yang bertanggungjawab kepada rakyat Brunei. Sultan Omar Ali Saifuddien III mahu mengekalkan sistem beraja dan baginda tidak percaya terhadap demokrasi kerana sesuai dengan rakyat Brunei. Baginda juga mahu membuktikan sistem monarki sistem yang lebih baik daripada sistem demokrasi. Ini bermakna, British tidak akan memberikan kemerdekaan kepada Brunei selagi Brunei tidak mengubah sistem politiknya sementara Sultan Omar Ali Saifuddien III tidak akan menerima kemerdekaan dari British sebelum British mengubah pendirian mereka untuk mengakui sistem monarki. Keperluan timbal balik ini membolehkan kedua pihak melambatkan proses kemerdekaan.

Kekayaan yang dimiliki oleh Brunei daripada hasil sumber minyak dan gas juga telah mempengaruhi proses ini. Kedua-dua sumber di atas mempunyai kepentingan terhadap Brunei. Sultan Omar Ali Saifuddien III dan kemudiannya dilanjutkan oleh putera sulung baginda Sultan Hassanal Bolkiah terus menggunakan kekayaan Brunei untuk mengukuhkan populariti di kalangan rakyat Brunei. Baginda berdua terus memberikan apa yang terbaik untuk rakyatnya dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pembangunan dalam bidang infrastruktur, ekonomi, sosial, pendidikan dan meningkatkan tahap pentadbiran sehingga dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Sepanjang tempoh perlindungan dan jaminan keselamatan British, Sultan Omar Ali Saifuddien III dan Sultan Hassanal Bolkiah British terus menggunakan kekayaan yang dimiliki untuk membeli rakyat dengan tujuan mengukuhkan monarki. Baginda juga menggunakan kekayaan yang ada untuk jaminan keselamatan monarki dengan menggunakan kuasa dan pengaruh British. Menerusi kekayaan ini juga Brunei berjaya membeli perkhidmatan askar Gurkha dan mana-mana institusi atau negara untuk mendapatkan sokongan bagi mengiktiraf sistem monarki.

Disebabkan oleh kejayaan Brunei menyediakan keperluan rakyat dan mengukuhkan keamanan dan kestabilan politik dan keupayaan Brunei mendapat jaminan keselamatan dari negara-negara jiran menyebabkan pihak British percaya Brunei boleh diberi kemerdekaan tanpa demokrasi berparlimen sekali gus mengiktiraf sistem monarki.



#### 5.4 Pengisytiharan Kemerdekaan

Pada 1 Januari 1984, Brunei telah mengambil alih semula semua tanggungjawab di peringkat antarabangsa menjadi sebuah negara yang kemerdekaan yang penuh berdaulat. Bermula dari tarikh ini, segala tanggungjawab negara diletakkan di bahu Sultan Hassanal Bolkiah selaku ketua negara dan ketua kerajaan. Dalam titah permasyhuran kemerdekaan baginda telah mengisytiharkan kerajaan Brunei akan terus kekal menjadi sebuah negara beraja. Perlembagaan 1959 telah dijadikan undang-undang tertinggi kerajaan baginda. Pengisytiharan ini menunjukkan baginda dan ayahanda baginda Paduka Seri Begawan Sultan berjaya merealisasikan perjuangan mereka untuk mengembalikan semula sistem pemerintahan monarki. Dalam pengisytiharan tersebut baginda menjelaskan;

**...DENGAN INI MEMASYHURKAN DAN MENGISTIHAR-  
KAN dengan nama Beta dan bagi pihak pengganti-pengganti  
Beta dan bagi pihak rakyat Negara Brunei Darussalam bahawa  
mulai dari 1hb. Januari 1984 bersamaan dengan Tahun Yang  
Ke-Tujuh Belas Beta di atas tahta Kerajaan Negara Brunei  
Darussalam adalah dan dengan ini serta limpah kurnia Allah  
Subhanahu wa Ta'ala akan untuk selama-lamanya kekal  
menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja Yang Merdeka,  
Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran  
Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah...**

Berdasarkan kepada pengisytiharan ini, Brunei akan terus mengekalkan sistem tradisi sebagai asas sistem politik Brunei menjadi negara Kesultanan Melayu Islam yang merdeka.

## 5.5 Perkembangan Pentadbiran Brunei 1971-1984

Sejak Sultan Hassanal Bolkiah menaiki takhta tidak terdapat perubahan dalam sistem politik dan pentadbiran. Penumpuan usaha adalah untuk terus berunding bagi mendapatkan jaminan kerajaan British mengenai pertahanan dan keselamatan Brunei. Baginda tidak menghidupkan semula MMN yang tamat tempohnya pada 1970. Perlembagaan 1959 telah digantung berdasarkan kepada kuat kuasa darurat yang telah diisytiharkan pada 1962.<sup>76</sup> Namun demikian, beberapa pindaan telah dibuat untuk membolehkan pilihan raya diadakan 1965, seperti yang telah dicadangkan oleh kerajaan British. Ahli-ahli MMN tidak berubah dan keseluruhannya berjumlah 21 orang iaitu 6 orang ahli kerana jawatan, 5 orang ahli rasmi dan 10 orang tidak rasmi. Baginda telah menghidupkan semula sistem tradisional dengan melantik kerabat-kerabat diraja dan juga kalangan rakyat kebanyakan yang berkebolehan mengisi jawatan-jawatan dalam sistem tersebut. Wazir-Wazir, Ceteria-Ceteria dan Pehin-Pehin juga telah mengambil bahagian dalam struktur kerajaan.

Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara kerajaan Brunei dan kerajaan British 1971, bukan saja membawa perubahan kepada kedudukan politik juga kepada pentadbiran Brunei. Tugas Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei telah dikurangkan kepada hal ehwal luar Brunei sahaja. Bagi menggantikan tugas tersebut, seorang penasihat khas bagi Sultan Brunei dilantik. Jawatan ini dipegang oleh Pehin Dato Awang Isa bin Haji Ibrahim. Jawatan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negara terus dikekalkan seperti yang termaktub dalam perlembagaan 1959.

Sultan Brunei juga telah mula memberi tanggungjawab kepada rakyat yang berpendidikan untuk mengetuai beberapa buah jabatan baru telah dibentuk. Pada 1973, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Kerjasama dan Jabatan Pelabuhan telah dibentuk. Seorang anak tempatan Selamat Haji Munap dilantik menjadi pengarah pertama Jabatan Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Kerjasama dan Pelabuhan masing-masing dipegang pegawai dagang yang diperbantukan iaitu oleh Awang Ahmad Wally Sikinna dan Ian G. Parker.<sup>77</sup> Pada 1975, kerajaan Brunei telah melancarkan Rancangan Kemajuan Negara Ketiga (1975-1979) yang tertumpu kepada usaha mempelbagaikan ekonomi dengan menggerakkan sektor pertanian dan perusahaan dan tidak bergantung semata-mata kepada hasil minyak. Sebanyak \$500 juta telah diperuntukkan. \$100 juta daripadanya telah diperuntukkan untuk jawatan-jawatan baru dalam perkhidmatan kerajaan.<sup>78</sup> Pada Mac 1975, Radio dan Televisyen telah diperbesarkan apabila televisyen berwarna diperkenalkan dengan perbelanjaan \$30 juta. Jabatan ini dikawal oleh seorang pegawai dagang Inggeris James Miller.<sup>79</sup>

Lain-lain projek dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun, ialah penubuhan Syarikat Penerbangan Kebangsaan Brunei, iaitu Penerbangan Diraja Brunei pada 1974 dengan peruntukan \$100 juta. Seramai lima orang pengurus telah dilantik oleh sultan Brunei iaitu, Penasihat Umum Sultan Brunei, selaku Pengerusi dan Pegawai Kewangan Negara, Penolong Penasihat Undang-Undang, Pengiran Bahrin Bin Pengiran Haji Abas dan Pengarah Penerbangan Awam selaku ahli-ahlinya.<sup>80</sup>

---

<sup>76</sup> Straits Times, 12 Disember 1962.

<sup>77</sup> Brunei Government Gazette, Brunei: Jabatan Percetakan Kerajaan, 29 Jun 1974.

<sup>78</sup> BAR, 1976, hal. 377-378.

Sepanjang Rancangan Kemajuan Negara perbelanjaan juga meningkat kerana pertambahan dan pembesaran birokrasi. Pada 1970, perbelanjaan pentadbiran berjumlah \$127,297, 006 pada 1975 meningkat kepada \$392, 955,270 dan 1979 menjadi \$948, 014,497.<sup>81</sup> Rancangan ini juga telah melibatkan pembesaran pasukan polis. Untuk menguatkan pasukan ini pada 1975, pasukan Marin dan Airport telah dibentuk. Pada 1970 anggota polis berjumlah 878 orang dan pada 1976 bertambah menjadi seramai 1,442 dan 1981 bertambah menjadi 2,411 orang.<sup>82</sup> Selain pasukan polis, angkatan bersenjata juga telah diperbesarkan untuk mengawal keamanan Brunei. Pada 1975, Battalion kedua telah ditubuhkan. Dari jumlah 1,133 orang pada 1970 bilangan anggota tentera meningkat menjadi 2,444 pada 1976.<sup>83</sup>

Dalam rancangan kemajuan pertanian, usaha meluaskan pertanian dan ternakan mula diusahakan, Sejumlah 22,000 ekar tanah diperuntukan untuk penanaman padi, 8,400 ekar diperuntukkan untuk perusahaan. Kerajaan juga telah mendirikan Maktab Latihan Pertanian Sinaut bagi mengeluarkan tenaga terlatih. Pemeliharaan ke atas perusahaan sumber hutan untuk penggunaan tempatan dan mengeluarkan kertas dan pulpa mula diusahakan.<sup>84</sup> Memandangkan kepada kekurangan tenaga manusia dalam bidang pertahanan, angkatan bersenjata telah dilengkapi dengan senjata moden.

---

<sup>79</sup> Brunei Government Gazzete, 29 Jun 1974 dan 7 Disember 1974.

<sup>80</sup> BAR, 1974, hal. 2 & 3; 1975, hal. 2 & 3 dan 1976, hal. 2 & 3.

<sup>81</sup> Ibid. 1970, hal. 49; 1971, hal. 62 & 63; 1972, hal. 75 & 76; 1973, hal. 67 & 68; 1974, hal., 67 & 68; 1975, hal. 66 & 67; 1976, hal. 67 & 68 dan 198, hal. 68 & 69.

<sup>82</sup> Ibid.

<sup>83</sup> Ibid.

<sup>84</sup> Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun 1975-1979, Brunei: Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, 1975.

Peruntukan untuk pertahanan telah ditingkatkan dari 30 juta pada 1971 menjadi 167 juta pada 1976, dan pada 1979 berjumlah 306 juta.<sup>85</sup>

Untuk menampung kekurangan tenaga manusia, pendidikan menjadi tumpuan utama rancangan, selain pembinaan beberapa buah sekolah rendah dan menengah bidang-bidang pendidikan juga dipelbagaikan dengan mengadakan latihan vokasional iaitu sekolah-sekolah pertukangan dan kejuruteraan. Tiga buah pusat latihan telah dibina iaitu Pusat Pertanian Sinaut, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan dan Pusat Latihan Bahagian Teknikal. Sebuah Pusat Tingkatan Enam telah dibina sebagai tempat persediaan melanjutkan pelajaran keluar negeri. Sehingga 1979 terdapat 141 buah sekolah rendah, 16 buah sekolah menengah, sebuah pusat tingkatan enam, 3 buah maktab teknik, 2 buah Maktab Perguruan dan sebuah maktab pertanian.<sup>86</sup> Jumlah pelajar yang dihantar keluar negeri juga bertambah dari tahun ke tahun di beberapa buah negeri antaranya Australia, Kanada, Great Britain, Malaysia, New Zealand, Filipina, Singapura dan Amerika Syarikat untuk mengikuti kursus ijazah dan diploma dalam berbagai bidang. Pada 1970, seramai 65 orang telah dihantar keluar negeri. Jumlah ini bertambah menjadi 148 pada 1977 dan 468 orang pada 1980. Dari jumlah tersebut, seramai 13 orang telah menamatkan pengajian diperingkat ijazah dan 16 orang diperingkat diploma pada 1976. Jumlah ini kemudiannya bertambah dari tahun ke tahun. Pada 1979, 34 orang ijazah dan 21 diploma dan pada 1981 seramai 58 orang daripadanya memperolehi ijazah dan 113 orang diploma.<sup>87</sup> Peruntukan juga telah meningkat. Pada 1970 sebanyak 19.3 juta dan pada 1975 meningkat menjadi 41.8

---

<sup>85</sup> A.G. Harfield, The Royal Brunei Malay Regiment, 1970-1976, Brunei: Jabatan Museum Brunei, 1977.

<sup>86</sup> Laporan Tahunan Pendidikan, 1979 dan 1981-1984, Brunei: Kementerian Pendidikan Brunei.

<sup>87</sup> Ibid.

juta dan pada 1979 bertambah sebanyak 92.5 juta. Selain itu beberapa keperluan sosial juga telah diperluaskan terutama jalan-jalan raya, telekom dan juga bekalan air.<sup>88</sup>

Selepas Perjanjian 1979, Brunei mula mengorak langkah untuk melengkapkan diri sebelum pemindahan kuasa dibuat pada akhir 1983. Selepas tempoh tersebut, Brunei mula mengambil alih semua tanggungjawab di peringkat antarabangsa terutama hal ehwal luar negeri, pengurusan hal ehwal kewangan dan pelaburan. Dalam memenuhi keperluan tersebut, pada 1982, Jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah ditubuhkan dengan diketuai oleh Dato Haji Zakaria. Latihan bagi pegawai-pegawai telah diadakan. Wakil-wakil kerajaan Brunei di London dan Singapura telah dimasukkan ke dalam perkhidmatan diplomatik dan pada 1983, sebuah Agensi Pelaburan Brunei telah juga ditubuhkan untuk mengambil alih terhadap pengurusan kewangan dan pelaburan luar negeri yang sebelum ini diurus oleh *Crown Agents* di London. Untuk mengukuhkan keselamatan, Pasukan Angkatan Bersenjata Brunei telah diperbesarkan. Peruntukan \$202, 914,633 pada 1978 telah ditingkatkan kepada \$340 juta. Ia itu 30% daripada jumlah keseluruhan pada 1983.<sup>89</sup>

Dalam melaksanakan rancangan pembangunan, beberapa masalah telah dihadapi terutama mengenai dengan kekurangan tenaga buruh yang mahir dan pengetahuan teknologi. Kekuarangan ini menyebabkan satu halangan besar bagi Brunei untuk menggalakkan pelaburan asing. Disebabkan oleh kekurangan tenaga mahir dalam bidang teknikal dan pengusahaan ini telah menyebabkan perbelanjaan

---

<sup>88</sup> Ibid.

meningkat ke atas pelaburan untuk meningkatkan tenaga. Kekurangan ini juga menyebabkan Brunei terpaksa membuat pergantungan terhadap buruh-buruh asing.

Pada 1980-1984, Rancangan Kemajuan Negara Keempat telah dirasmikan. Ia merupakan persediaan peringkat akhir ke arah kemerdekaan. Terdapat lima objektif rancangan ini termasuk untuk mengekalkan dan meningkatkan mutu projek-projek pembangunan, mempelbagaikan ekonomi dengan penggunaan sumber-sumber alam dan tidak bergantung kepada hasil minyak semata-mata, menambah dan memperluaskan sistem pertanian dan perindustrian dan memperluaskan sistem pendidikan kebangsaan dari peringkat taman asuhan hingga ke peringkat universiti, meliputi bidang teknikal dan vokasional bagi perkembangan pertanian dan perindustrian serta memperbaiki perkhidmatan kesihatan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.<sup>90</sup>

Pada 1 Januari 1984, struktur birokrasi dan pentadbiran mengalami perubahan besar apabila Brunei mula memperkenalkan sistem berkementerian. Perubahan ini juga telah melibatkan beberapa pindaan Perlembagaan 1959 untuk membolehkan jawatan Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dimansuhkan.<sup>91</sup> Pada peringkat awal sebanyak 8 buah kementerian telah dibentuk dan pada 1986 jumlah ini ditambah menjadi 12 buah kementerian. Pembentukan sistem berkementerian ini akan dihuraikan lebih lanjut dalam bab berikutnya.

---

<sup>89</sup> Borneo Bulletin, 28 Disember 1983 dan BAR, 1978-1981.

<sup>90</sup> New York Post, 16 Mei 1984.

<sup>91</sup> Pelita Brunei, 22 Februari 1984.

Berdasarkan kepada pengisytiharan tersebut, jelaslah bahawa sistem politik Brunei telah menggabungkan ciri-ciri tradisi dengan pentadbiran moden. Sungguhpun berlaku pemodenan dalam sistem politik, namun begitu kuasa pentadbiran mutlak masih di tangan Sultan. Baginda bukan sahaja sebagai ketua negara bahkan juga menjadi ketua kerajaan. Dengan pengisytiharan tersebut menunjukkan Brunei akan terus menjadikan sistem kesultanan sebagai asas kepada sistem politik Brunei. Dengan ini juga baginda telah berjaya menghidupkan semula sistem tradisional tetapi dalam bentuk yang moden.

## **5.6 Memodenkan Sistem Politik Tradisi**

Sultan Omar Ali Saifuddien III telah memainkan peranan penting membentuk Brunei menjadi sebuah negara yang berasaskan sistem politik monarki dengan cara mengadunkan ciri-ciri keunggulan tiga sumber iaitu sumber tradisi, sumber Islam dan sumber moden. Sumbangan baginda membawa Brunei menjadi negara monarki yang moden menyebabkan baginda dikenali sebagai arkitek Brunei moden

Berdasarkan kepada sumber tradisional, raja diletakkan bukan saja sebagai ketua negara juga menjadi ketua kerajaan. Kerabat-kerabat diraja yang terpilih telah diberi peranan utama dan aktif dalam jawatan-jawatan kerajaan. Walaupun kerajaan British telah memberikan sebuah perlembagaan sebagai asas kenegaraan tetapi tidak ada parlimen dan pilihan raya yang disertai oleh parti-parti politik. Saluran perhubungan di antara istana dengan rakyat menerusi institusi penghulu dan ketua



kampong terus berfungsi untuk mengawal keamanan dan kesejahteraan di samping memenuhi keperluan rakyat.

Sumber Islam, raja sebagai ketua agama. Dalam menjalankan pentadbiran baginda akan dinasihati oleh kumpulan penasihat yang dipilih berdasarkan kepada kepakaran. Ini sesuai dengan konsep “*Ahlul Halli Wal-'Aqdi*”. Sultan tidak bertindak sewenang-wenang menurut budi bicara baginda sendiri tetapi sentiasa mendapat nasihat pakar. Sistem muzakarah menerusi Majlis Perundingan Kampong dan Majlis Bersama Rakyatn dapat mempastikan keperluan rakyat. Dalam bidang pendidikan, usaha meningkatkan taraf pendidikan terus dilaksanakan supaya keseimbangan pendidikan sekular dengan Islam dapat dilaksanakan secara seimbang dan seiring. Dalam bidang sosial, perhatian terus dilaksanakan terhadap orang-orang tua dan rakyat yang kurang berupaya sebagai tanda negara kebajikan (*welfare state*).

Dalam memperkenalkan sumber moden, sistem kabinet dan berkementerian juga diperkenalkan. Prinsip meritokrasi iaitu pemilihan berasaskan kebolehan dan kelulusan tidak berasaskan keturunan telah dilaksanakan. Rancangan-rancangan kemajuan untuk pembangunan terus dilaksanakan sesuai dengan kehendak negara moden. Rancangan-rancangan pembangunan juga berasaskan kepada keseimbangan fizikal dan kerohanian.

### **5.7 Kuasa Mutlak dan Kuasa Perlembagaan**

Kuasa mutlak dicirikan kepada peranan raja sebagai ketua negara sekali gus sebagai ketua kerajaan. Di samping itu ketiadaan penyertaan aktif parti-parti politik

dalam kerajaan dan ketiadaan parlimen yang dianggotai oleh wakil-wakil pilihan rakyat majoriti juga merupakan ciri pemerintahan raja dengan kuasa mutlak. Jika ini dijadikan ukuran, Brunei boleh dikira sebagai sebuah negara beraja (monarki) dengan kuasa mutlak. Akan tetapi Perlembagaan Brunei telah memuktubkan bahawa sultan berperanan sebagai ketua negara, ketua kerajaan dan ketua agama. Ini bermakna kuasa mutlak yang diberikan kepada Sultan Brunei adalah juga kuasa perlembagaan. Inilah satu ciri keunikan Brunei yang tidak pernah wujud di mana-mana juga negara lain.

Walaupun pada teorinya Sultan Brunei mempunyai kuasa mutlak, pada praktiknya baginda tidak pernah menggunakan kuasa itu. Apa juga keputusan yang baginda ambil mestilah sesudah mendapat nasihat daripada sesiapa saja yang baginda fikirkan layak. Peranan yang dimainkan oleh sultan dalam menerajui pemerintahan mengikut model ini jelas amat sesuai dengan tahap pendidikan dan kematangan rakyat. Ini juga telah dapat mengekalkan ketenteraman dalam negeri sehingga usaha-usaha pembangunan dalam bentuk fizikal dan kerohanian dapat dijalankan dengan licin.